

08/01/1997

Tujuh pemilik mungkin hilang geran tanah

KENINGAU, Selasa - Tujuh pemilik tanah rakyat tempatan yang dikenal pasti menyewakan tanah mereka kepada pendatang asing di sini, kemungkinan kehilangan tanah berkenaan berikutan cadangan kerajaan menarik balik gerannya.

Langkah tegas itu diambil selaras pendirian kerajaan untuk menangani masalah kebanjiran pendatang asing di negeri ini, terutama yang menyewa tanah mempunyai geran daripada penduduk tempatan.

Tujuh pemilik tanah rakyat tempatan itu dikenal pasti Jabatan Tanah dan Ukur, yang menjalankan siasatan selepas tragedi ribut tropika Greg melanda negeri ini, khususnya di Keningau.

Timbalan Ketua Menteri, Datuk Seri Panglima Joseph Kurup, berkata perbuatan tujuh pemilik tanah rakyat tempatan menyewakan tanah mereka kepada rakyat asing dikenal pasti sebagai faktor jumlah setinggan di daerah ini meningkat kepada 18,000 orang.

Menurutnya, kebanyakan rumah setinggan yang dibina oleh rakyat asing itu tidak selamat dan mendedahkan mereka kepada pelbagai risiko keselamatan selain menyebabkan masalah pencemaran.

Ketika ditemui pemberita di sini hari ini, Kurup berkata, kerajaan akan mengarahkan jabatan berkenaan menarik balik geran tanah milik penduduk terbabit kerana ia melanggar peraturan ditetapkan.

Malah, tegas beliau, perbuatan penduduk tempatan yang mementingkan soal wang tanpa mengambil kira aspek keselamatan, boleh membawa implikasi buruk jika dibiarkan berterusan.

Semalam, Pegawai Daerah Keningau, Louis Rampas, mencadangkan kepada kerajaan negeri supaya menarik balik geran pemilik tanah tempatan yang menyewakan tanah mereka kepada pendatang asing.

Menurut Rampas, tindakan melucutkan geran tanah pemilik itu adalah langkah tegas menghalang kewujudan rumah haram baru, khususnya di sepanjang sungai yang tidak selamat.

Cadangan itu dikemukakan kerana siasatan yang dijalankan mendapati rumah haram yang ditenggelami atau dihanyutkan banjir kilat di daerah ini pada 26 Disember lalu, dibina oleh pendatang asing di atas tanah yang disewakan pemilik rakyat tempatan.

Sabtu lalu, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, melawat daerah Keningau dan menegaskan penduduk yang tinggal di kawasan tebing sungai perlu dipindahkan ke kawasan lebih selamat.

Kurup yang juga Menteri Pembangunan Sumber dan Perusahaan berkata, perbuatan rakyat tempatan menyewakan tanah kepada pendatang asing melanggar syarat geran yang dikeluarkan kerajaan negeri.

"Ia bertentangan dengan Ordinan Tanah Negeri Sabah, justeru tindakan tegas ke atas mereka perlu diambil. Satu daripada caranya ialah menarik balik geran yang diberi kepada mereka," katanya.

Beliau mengulangi pendirian kerajaan untuk berusaha menempatkan semula mangsa ribut berkenaan, khususnya kalangan rakyat tempatan.

Dalam pada itu, beliau memberi amaran terhadap mereka yang berdegil dengan terus membina semula rumah mereka di pinggir sungai, akan dikenakan tindakan tegas sewajarnya.

(END)